

20/11/1999

Isteri kena cerai kerana tanggal poster

JELI, Jumaat - Seorang lagi isteri mendakwa menjadi mangsa perbezaan fahaman politik apabila diceraikan suaminya kerana menanggalkan poster Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang ditampal di rumahnya.

Asyik Abdullah, 56, dari Kampung Bukit Jering kira-kira 30 kilometer dari sini, berkata kejadian itu berlaku pada Isnin lalu kira-kira 4 petang selepas berlaku pertengkaran antaranya dengan suaminya, Setapa Yusuf, 64.

Beliau berkata, suaminya melafazkan talak yang turut disaksikan anak perempuannya berusia 17 tahun, seorang pelajar Sekolah Menengah Agama Arab di sini.

"Suami saya menampal poster Presiden Pas dan Mursyidul Am Pas di rumah saya kerana begitu taksub dengan kedua-dua pemimpin berkenaan.

"Oleh kerana saya tidak suka poster membabitkan tokoh politik ditampal di rumah sama ada dari Umno atau Pas, saya bertindak menanggalkannya dan memasukkan ke dalam kocek baju suami saya," katanya kepada Berita Harian di sini, hari ini.

Beliau yang mengaku penyokong kuat Umno berkata, tindakannya itu tidak disenangi suaminya sehingga mereka berdua bertengkar.

"Ketika pertengkaran itulah suami saya melafazkan talak yang turut disaksikan anak perempuan saya," katanya.

Menurutnya, kejadian itu adalah yang ketiga dilakukan oleh suaminya, yang mana kali kedua berlaku 17 tahun lalu apabila suaminya itu turut melafazkan talak selepas berlaku pertengkaran kerana perbezaan fahaman politik.

Dalam kejadian pertama akhir Oktober lalu, seorang isteri dari Tumpat di sini, diceraikan suaminya yang dipercayai penyokong kuat Pas kerana perbezaan fahaman politik.

Wan Hamad Wan Jusoh, 63, dari Kampung Alor Durian @ Kampung Bukit, Wakaf Bharu, dekat sini berbuat demikian selepas dipercayai terpengaruh dengan 'fatwa' beberapa beberapa pemimpin Pas yang berceramah di kampung itu pada malam 30 Oktober lalu.

Beliau menceraikan Esah Yusoff, 64, pada kira-kira jam 8 pagi pada keesokannya selepas 15 tahun berkahwin atas alasan Allah tidak menerima ibadah mereka yang menyokong parti Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang didakwa sebagai parti Kristian dan Yahudi.

(END)